

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KES PENYALAHGUNAAN DADAH DAN MAJLIS PERUNDINGAN
ANTIDADAH NEGERI SELANGOR**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kes-kes penyalahgunaan dadah di Daerah Gombak mengikut mukim dan apakah agensi-agensi yang terlibat di bawah Majlis Perundangan Antidadah Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kes-kes penyalahgunaan dadah di Daerah Gombak mengikut mukim sehingga Februari 2019.

BIL	MUKIM	JENIS DADAH			JUMLAH
		HEROIN	SYABU	GANJA	
1.	SETAPAK	27	44	18	89
2.	RAWANG	23	29	9	61
3.	BATU	64	136	65	265
JUMLAH					415

Sehingga kini, Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Selangor tidak menerima sebarang jemputan atau maklumat lanjut berkenaan dengan Majlis Perundangan Antidadah Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PENJAJARAN PROGRAM PENDIDIKAN TABUNG KUMPULAN WANG
BIASISWA NEGERI SELANGOR 2019**

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasil dapatan penjajaran program Pendidikan di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor bagi tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak tujuh (7) program di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor telah diujarkan dan dimurnikan kepada lima (5) program sahaja hasil daripada penjajaran program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Peruntukan sebanyak RM16.6 juta yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019 adalah merangkumi lima (5) program pembiayaan pendidikan Peduli Siswa dalam bentuk Biasiswa dan Pinjaman Boleh Ubah seperti berikut:
- i. Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar Selangor;
 - ii. Biasiswa Sagong Tasi;
 - iii. Pinjaman Boleh Ubah Dalam Negara;
 - iv. Pinjaman Boleh Ubah Luar Negara; dan
 - v. Program Khas Selangor Brain Bank.

Program-program ini telah dimurnikan daripada segi mekanisma pelaksanaan dan syarat kelayakan bagi memastikan objektif IPR tercapai. Bagi tujuan tersebut, program-program ini ditambahbaik seperti berikut:

- i. Pembiayaan merangkumi semua peringkat pengajian;
- ii. Penggabungan program-program bertindih dalam satu program komprehensif;
- iii. Penetapan syarat had pendapatan isi rumah; dan
- iv. Penyelarasan tempoh bermastautin pemohon bagi semua program di bawah TKWBNS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STRUKTUR BAHARU PENGURUSAN AIR NEGERI SELANGOR

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jelaskan struktur baharu pengurusan air negeri selepas proses penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air selesai dilaksanakan.

JAWAPAN:

- a) Pada ketika ini, terdapat empat (4) syarikat yang menjalankan kerja-kerja rawatan air iaitu PNSB Water Sdn Bhd (PNSB, dahulu Puncak Niaga (M) Sdn Bhd), Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS), Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH), dan Konsortium Air Selangor Sdn Bhd (KASB). PNSB Water Sdn Bhd, ABASS dan SPLASH adalah pemegang konsesi yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri manakala KASB telah dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) semenjak memulakan operasi pada tahun 2012. Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) pula merupakan syarikat yang telah diberikan konsesi bagi agihan air untuk seluruh Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Di antara tempoh Oktober 2015 sehingga Mac 2016, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) telah menyelesaikan pengambilalihan pegangan di dalam SYABAS, PNSB, ABASS dan KASB, kecuali SPLASH. Tanpa penyelesaian SPLASH, tarikh kuatkuasa lesen perkhidmatan Air Selangor telah tertangguh. Oleh yang demikian, sehingga hari ini, syarikat-syarikat seperti yang dinyatakan di atas terus menjalankan aktiviti perniagaan seperti sediakala, tetapi sebagai anak syarikat Air Selangor.

Air Selangor yang telah ditubuhkan secara rasmi pada 2014, merupakan anak syarikat milikan penuh Kerajaan Negeri Selangor melalui Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB). Air Selangor telah ditubuhkan sebagai 'Special Purpose Vehicle' (SPV) yang bertanggungjawab bagi pengambilalihan dan penstrukturan semula industri air.

Lesen Air Selangor akan hanya mula berkuatkuasa setelah proses pengambilalihan SPLASH selesai sepenuhnya. Setelah lesen Air Selangor berkuatkuasa, perjanjian-perjanjian konsesi sediaada dan lesen KASB akan ditamatkan/dibatalkan; dan Air Selangor akan mengambilalih keseluruhan operasi rawatan dan agihan air dan menjadi operator tunggal bagi perkhidmatan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PENUBUHAN INSTITUT PEMBERDAYAAN PEKERJA

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasrat penubuhan Institut Pemberdayaan Pekerja dan bagaimanakah mekanisme pelaksanaan agenda institut ini?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN KEWANGAN KEPADA KELAB DAN PERSATUAN
SUKAN SELAIN BOLASEPAK**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan kewangan yang disalurkan kepada kelab-kelab dan persatuan-persatuan sukan selain bolasepak di Negeri Selangor pada tahun 2019.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah menyalurkan sejumlah RM7 juta kepada Majlis Sukan Negeri Selangor pada tahun 2019 ini bagi menjalankan program pembangunan sukan. Berikut adalah pecahan peruntukan seperti berikut:

Persediaan pasukan SUKMA	:	RM3,424,000.00
Program pembangunan	:	RM3,576,000.00

Persediaan pasukan SUKMA adalah melibatkan bantuan jurulatih dan atlet, persediaan pasukan untuk menyertai kejohanan dan latihan serta peralatan sukan. Manakala bagi program pembangunan, peruntukan terdiri daripada bantuan kepada persatuan sukan negeri, sekolah sukan, penganjuran kejohanan dan program pembangunan sukan di daerah-daerah. Selain itu, pihak Majlis juga menyediakan peruntukan untuk khidmat rawatan dan fisioterapi.

Dari jumlah tersebut, RM800,000.00 untuk diagihkan kepada 39 Persatuan Sukan Negeri yang merupakan ahli gabungan dan 6 lagi persatuan yang merupakan ahli bersekutu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PROGRAM PEMBUNGKUSAN PRODUK MADE IN SELANGOR

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan usahawan yang menerima bantuan melalui Program Pembungkusan Produk *Made in Selangor* mengikut daerah sepanjang tahun 2018 hingga kini.

JAWAPAN:

- a) Seramai 92 orang usahawan telah menyertai Program Pembungkusan Produk *Made In Selangor* bagi tahun 2015 hingga 2018. Berikut merupakan pecahan peserta mengikut daerah:-

BIL.	TAHUN	DAERAH	JUMLAH
1.	2015	<ul style="list-style-type: none"> • Daerah Gombak = 8 orang • Daerah Petaling = 10 orang • Daerah Klang = 2 orang • Daerah Kuala Langat = 1 orang • Daerah Hulu Langat = 4 orang • Daerah Kuala Selangor 4 orang 	29 orang peserta
2.	2016	<ul style="list-style-type: none"> • Daerah Gombak = 8 orang • Daerah Petaling = 8 orang • Daerah Klang = 7 orang • Daerah Hulu Langat = 1 orang • Daerah Hulu Selangor = 1 orang • Daerah Kuala Selangor = 1 orang • Kuala Lumpur = 1 orang 	26 orang peserta
3.	2017	<ul style="list-style-type: none"> • Daerah Gombak = 2 orang • Daerah Petaling = 11 orang • Daerah Klang = 4 orang • Daerah Hulu Langat = 1 orang 	19 orang peserta

BIL.	TAHUN	DAERAH	JUMLAH
		<ul style="list-style-type: none"> • Daerah Kuala Selangor = 1 orang 	
4.	2018	<ul style="list-style-type: none"> • Daerah Gombak = 2 orang • Daerah Petaling = 5 orang • Daerah Klang = 5 orang • Daerah Sepang = 1 orang • Daerah Hulu Langat = 3 orang • Daerah Kuala Selangor = 1 orang • Daerah Hulu Selangor = 1 orang 	18 orang peserta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PELAN INDUK PEMBANGUNAN SUNGAI KLANG "SELANGOR
MARITIME GATEWAY"**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perkembangan semasa perancangan dan pelaksanaan projek di bawah Pelan Induk Pembangunan Sungai Klang "Selangor Maritime Gateway" (SMG).

JAWAPAN:

- a) **Keterangan SMG**

Projek:

Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang atau kini dikenali sebagai **Selangor Maritime Gateway ("SMG")** merangkumi tiga (3) aktiviti utama yang sedang dan akan dilaksanakan bagi tempoh 15 tahun bermula tahun 2017, iaitu:-

1) Pembersihan

Objektif: Memastikan Sungai Klang bersih daripada sisa pepejal terapung.

2) Pemuliharaan

Objektif: Meningkatkan kualiti air.

3) Pembangunan

Objektif: Merealisasikan nilai pembangunan di kawasan berpotensi di sepanjang Sungai Klang (*unlock value of potential development sites*).

Pemaju:

Keputusan MMKN Ke 7/2018 pada 7 Mac 2018 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 8/2018 pada 14 Mac 2018 telah meluluskan supaya Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB), syarikat milikan penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI), sebagai *Master Developer* bagi melaksanakan projek-projek di bawah SMG.

Status Projek SMG

- 1) **Pembersihan** sungai bertujuan untuk menyekat dan mengeluarkan sampah terapung dari sungai melalui pemasangan tujuh (7) perangkap sampah (*log boom*) di lokasi strategik berdasarkan kajian hidraulik di sepanjang 56 km Sungai Klang dan *tributaries*. Perangkap sampah di Sungai Kandis telah disiapkan pada April 2018 dan sedang beroperasi sepenuhnya. Tambahan pemasangan enam (6) perangkap sampah baharu di peringkat akhir pembinaan dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada Suku ke-2 tahun ini.

Dalam tempoh dua (2) tahun semenjak Februari 2017 hingga Januari 2019, sebanyak 44,078 Metrik Tan (MT) sisa pepejal terapung telah dikeluarkan daripada jajaran sepanjang 56 km Sungai Klang bermula di sempadan KL/PJ sehingga ke muara sungai.

- 2) **Pemuliharaan** Sungai Klang melibatkan dua (2) komponen atau aktiviti utama iaitu:-

- i. Pemuliharaan bekas tapak pelupusan sisa pepejal Telok Kapas, Klang

Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Klang (PDT Klang) telah memberi kebenaran kepada pihak Landasan Lumayan Sdn Bhd (anak syarikat milikan penuh MBI) untuk memasuki tapak bagi menjalankan kajian pemuliharaan melalui surat bertarikh 30 Mei 2018. Lanjutan dari itu, beberapa sesi lawatan serta penyelidikan tapak telah dilaksanakan. Laporan awalan *feasibility* serta kaedah pemuliharaan telah disiapkan pada Oktober 2018.

- ii. Pemuliharaan secara komprehensif Sungai Klang

Pemuliharaan Sungai Klang akan dilaksanakan bersama projek pembangunan *riverfront* di sepanjang 56 km Sungai Klang bagi tujuan pembiayaan kos pemuliharaan sungai yang besar. Pelawaan secara terbuka bagi pendaftaran pra-kelayakan dibuat melalui iklan di akhbar-akhbar utama pada 7 & 11 Mac 2019 kepada syarikat, syarikat usahasama atau konsortium yang mempunyai kepakaran di dalam bidang pembangunan tanah dan teknologi pemuliharaan sungai.

- 3) **Pembangunan** Fasa 1 SMG yang tertumpu di sepanjang 22 km Sungai Klang (kawasan Klang) merupakan projek pembangunan pemangkin (*catalyst development*) bagi merencanakan pembangunan berdaya impak masa hadapan di dalam Fasa 2 dan 3 (tahun 2022 seterusnya). Lima (5)

projek pembangunan pemangkin di dalam Fasa 1 SMG yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:-

- i. Cadangan Menaiktaraf Taman Awam Pengkalan Batu (16.0 ekar);

Objektif: Menaikkan imej taman persisir sungai ini supaya dapat menarik masyarakat setempat memunafatkan kemudahan rekreasi dan keindahan flora dan fauna di samping menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

Status: Kelulusan merancang melalui Seksyen 20A dari pihak PLAN-Malaysia (JPBD) telah diperolehi pada 14 Januari 2019.

- ii. Cadangan Taman Pemuliharaan Hutan Bakau atau dikenali sebagai *Mangrove Point* (128.76 ekar);

Objektif: Pemuliharaan hutan paya bakau yang satu-satunya terdapat di sepanjang Sungai Klang dan menerapkan konsep *Therapeutic Biophilia* yang mengenenagahkan hubungan manusia dan alam semulajadi.

Status: Kelulusan merancang bersyarat melalui Seksyen 20A dari pihak PLAN-Malaysia (JPBD) telah diperolehi pada 22 Februari 2019.

- iii. Cadangan Pembangunan *Community River Park* (98.0 ekar);
- iv. Cadangan Pembangunan *Grand Bazaar* (33.91 ekar); dan
- v. Cadangan Pembangunan *Cultural Village & Retreat Park* (35.5 ekar).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : PENYERAHAN KAWASAN KEPADA PBT

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan projek pembinaan perumahan atau bangunan komersial yang telah lebih 10 tahun siap dibina dalam kawasan Sungai Ramal tetapi masih belum diserahkan oleh pemaju kepada MPKj.

JAWAPAN:

- a) Terdapat 2 projek pembinaan rumah yang masih belum diserahkan seperti berikut:
- I. Taman Astana Indah
 - II. Taman Bukit Meringin

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : MASALAH INFRASTRUKTUR

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasil dapatan daripada kajian yang dibuat terhadap tahap keselamatan struktur jejambat di Persiaran KWSP Sungai Tangkas?
- b) Sekiranya perlu dan boleh dibaiki, bilakah ianya akan dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Seperti di Lampiran B.
- b) Kerja-kkerja pembaikan hanya dapat dilaksanakan setelah laporan ujian tersebut lengkap diterima dan laporan cadangan pembaikan berserta kos siap dikemukakan bergantung kepada sumber kewangan kelak.

LAMPIRAN B

Kerja-kerja kajian ke atas tiang-tiang pada struktur jejambat di Persiaran KWSP telah dilanjutkan tempoh sehingga 4 April 2019 memandangkan pihak kontraktor masih belum mendapat permit kerja daripada pihak KTMB bagi ujian konkrit ke atas tiang yang terletak dalam rezab KTMB.

TARIKH	TINDAKAN
21/2/18	Terima aduan daripada pemaju I&P Sdn. Bhd. Berhubung keretakan pada tiang-tiang dibawah jejambat di Persiaran KWSP.
22/2/2018	Pemeriksaan tapak mendapati terdapat 21 unit tiang mengalami kerosakan serius dan 14 mengalami hakisan di dalam.
28/2/2018	Mesyuarat khas antara pemaju dan perunding yang terlibat membina dan menggunakan jejambat tersebut. Berdasarkan keputusan mesyuarat tersebut, hanya kenderaan ringan sahaja dibenarkan menggunakan laluan tersebut dan jalan alternative perlu dikenalpasti untuk kenderaan berat.
5/3/2018	Pihak MPKj mengeluarkan Notis Arahan kepada semua pemaju yang sedang menjalankan kerja-kerja pembangunan sekitar kawasan berhampiran yang menggunakan laluan tersebut sebagai laluan utama agar tidak menggunakan sementara jejambat tersebut dan mencari alternative lain.
15/3/2018	Pihak MPKj memasang notis pemberitahuan (banner) di laluan keluar masuk untuk menghadkan penggunaan jalan tersebut kepada kenderaan berat.
21/3/2018	Pihak MPKj melantik kontraktor bagi membekal dan memasang penghadang untuk menghalang kenderaan berat daripada melalui jejambat sehingga kerja-kerja pembaikan.
27/3/2018	Pihak MPKj melantik perunding Geo Consult bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan. Pihak perunding mencadangkan agar melantik kontraktor bagi menjalankan ujian konkrit ke atas tiang-tiang di bawah jejambat tersebut bagi mengenalpasti punca kerosakan.
9/4/2018	Mesyuarat bersama pemaju-pemaju dan penduduk yang terlibat bagi isu jalan alternatif.
27/5/2018	Mesyuarat kedua bersama pemaju-pemaju dan penduduk bagi isu jalan alternatif.
28/5/2018	Pihak MPKj mengeluarkan Notis Makluman had masa penggunaan kenderaan berat kepada pemaju-pemaju yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : INSTITUSI MASJID

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan anggota jawatankuasa masjid atau surau dalam negeri Selangor yang telah diambil tindakan kerana berpolitik di dalam masjid atau surau?
- b) Sila senaraikan bilangan kes tindakan yang telah diambil berdasarkan sempadan DUN dalam Negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) Bilangan Jawatankuasa Masjid atau Surau yang telah diambil tindakan :
 - i. Empat (4) orang Nazir telah diambil tindakan digantung, amaran dan tidak boleh dilantik semula pada sesi 2019-2021 kerana menjemput penceramah dalam kalangan ahli politik yang tidak mempunyai tauliah.
 - ii. Seorang digantung watahah pelantikan Nazir pada tahun 2016.
 - iii. Sebuah masjid dan dua buah surau telah diambil alih sementara pengurusannya oleh JAIS pada tahun 2018 kerana perbalahan politik Ahli Jawatankuasa.
 - iv. Nazir dan anggota jawatankuasa daripada dua buah masjid telah dipanggil ke sesi Islah disebabkan pertelingkahan Jawatankuasa dan memanggil penceramah yang berpolitik.
- b) Bilangan kes tindakan yang telah diambil berdasarkan sempadan DUN dalam Negeri Selangor adalah seperti berikut :

BIL.	KAWASAN DUN	BILANGAN
1.	Kota Damansara	2
2.	Templer	1
3.	Balakong	1
4.	Gombak Setia	3

BIL.	KAWASAN DUN	BILANGAN
5.	Lembah Jaya	1
6.	Pandan Indah	1
7.	Taman Medan	1
8.	Ijok	1
Jumlah		11

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan berapakah jumlah tabung amanah yang dimiliki oleh MPKj dan berapakah nilai yang disimpan dalam setiap akaun tersebut?
- b) Apakah tujuan dan kaedah penggunaan setiap tabung tersebut?

JAWAPAN:

- a) 6 akaun amanah dan nilai yang disimpan adalah sebanyak RM216.96 juta
- b) Tujuan tabung tersebut adalah untuk mengakaunkan serta membolehkan MPKj menguruskan sumbangan caj pemajuan yang diterima oleh MPKj untuk Akaun Amanah ini dari masa ke semasa.

Penggunaan tabung tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan berikut :-

- i. Perbelanjaan untuk kerja-kerja perundingan bagi mana-mana projek.
- ii. Perbelanjaan untuk program-program membina dan menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan awam.
- iii. Perbelanjaan untuk menyelesaikan isu-isu berkenaan dengan masalah kesesakan lalulintas dan yang berkaitan dengan masalah pembangunan baru.
- iv. Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan baru yang diluluskan serta difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Akaun Amanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : STAFF TAMBAHAN DI PKM

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mahu menambah bilangan kakitangan di Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Dewan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 5/2019 bertarikh 20 Februari 2019 disahkan melalui MMKN Ke 6/2019 bertarikh 27 Februari 2019 telah meluluskan cadangan untuk kajian semula pertambahan seorang lagi kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Dewan Negeri dengan mengambil kira pertambahan kos, peruntukan tahunan Jabatan dan senarai tugas. Sehubungan itu, Pejabat Dewan Negeri kini dalam tindakan menganalisis maklumat-maklumat berkaitan untuk penelitian selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : BINAAN HARAM DI ATAS LONGKANG DAN PARIT

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengawal pembinaan haram di atas longkang, parit atau tanah kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan binaan haram yang telah diambil tindakan oleh PBT Negeri Selangor pada tahun 2018 adalah sebanyak 4,408 di mana MBSA mencatatkan bilangan binaan haram paling tinggi dengan 1,067 dan paling rendah adalah MPKj sebanyak 51 binaan. Senarai penuh bilangan binaan haram untuk semua PBT Negeri Selangor adalah seperti di Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Bilangan Binaan Haram Yang Telah Diambil Tindakan Oleh PBT
Tahun 2018

PBT	BILANGAN BINAAN HARAM YANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN TAHUN 2018
MBSA	1067
MBPJ	96
MPK	77
MPAJ	1030
MPSJ	1062
MPS	331
MPKj	51
MPSp	55
MDKL	115
MDHS	93

PBT	BILANGAN BINAAN HARAM YANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN TAHUN 2018
MDKS	338
MDSB	93
JUMLAH	4408

Nota : Sumber data daripada PBT Negeri Selangor.

Tindakan yang diambil untuk Binaan Tanpa Kebenaran adalah mengeluarkan notis dan kompaun. Notis Amaran dan Kompaun boleh dikeluarkan di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) di mana PBT mengarahkan pemilik kediaman sama ada untuk mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kelulusan bertulis PBT atau merobohkan binaan sekiranya binaan yang dibina tidak memenuhi syarat dan peraturan PBT.

Jenis-jenis binaan haram yang telah diambil tindakan adalah seperti berikut :

- i. Pembinaan menara telekomunikasi haram;
- ii. Pembinaan tempat letak kereta berbumbung di atas rezab jalan, parit dan kawasan lapang;
- iii. Pembinaan struktur gerai di atas rezab jalan, parit dan kawasan lapang;
- iv. Perletakan kabin di atas rezab jalan, parit dan kawasan lapang;
- v. Pembinaan stor di atas rezab jalan, parit dan kawasan lapang;
- vi. Pembinaan binaan yang tidak mematuhi kelulusan pelan bangunan;
- vii. Pembinaan rumah ibadat bukan islam rezab jalan, parit dan kawasan lapang;
- viii. Pembinaan struktur pondok pengawal;
- ix. Pembinaan gazebo di atas rezab jalan, parit dan kawasan lapang;
- x. Pembinaan pagar melebihi sempadan persendirian iaitu memasuki rezab jalan; dan
- xi. Pembinaan *awning* melebihi sempadan persendirian iaitu memasuki rezab jalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : BILLBOARD UNTUK WAKIL RAKYAT

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menetapkan satu piawaian standard pembinaan *billboard* untuk semua wakil rakyat?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, paparan *billboard* sedia ada adalah mengikut spesifikasi standard dan mengikut kesesuaian sesuatu lokasi dan mudah untuk dilihat oleh orang ramai. Pada masa ini, *billboard* atau papan tanda di bawah Kerajaan Negeri termasuk Pihak Berkuasa Tempatan memaparkan program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seperti program Insentif Peduli Rakyat. Selain itu, ia turut digunakan bagi menyalurkan maklumat-maklumat baharu selaras dengan Belanjawan Negeri Selangor 2019. Oleh yang demikian, cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat berkaitan menetapkan satu piawaian standard pembinaan *billboard* untuk semua wakil rakyat akan diteliti kesesuaiannya bagi memastikan maklumat-maklumat yang disampaikan melalui *billboard* atau papan tanda selari dengan dasar Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PERANCANGAN BANDAR MERU

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membaik pulih sistem pembangunan Pekan Meru dan kawasan sekitarnya yang kini cacca merba dan tidak dirancang dengan baik?
- b) Adakah pihak Kerajaan Negeri berhasrat untuk membekukan buat sementara waktu permohonan projek-projek pembangunan sehingga isu banjir dan infra yang berkaitan diselesaikan terlebih dahulu di Meru?

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Klang telah menyediakan rancangan jangka panjang bagi membaik pulih sistem pembangunan di Pekan Meru, iaitu Rancangan Tempatan MPK 2035 (penggantian) di mana proses untuk penglibatan Publisiti Awam akan diadakan bermula pada 19/03/2019-18/04/2019.

Merujuk Rancangan Tempatan Klang, Pekan Meru terletak didalam Blok Perancangan 1.7 (Pekan Meru) dan cadangan pembangunan yang dirancang adalah seperti berikut :-

- i) Perumahan
- ii) Perniagaan dan Perkhidmatan
- iii) Institusi dan Kemudahan Rakyat
- iv) Tanah Lapang dan Rekreasi mengikut kelas
- v) Pengangkutan (menggalakkan Pembangunan Berorientasikan Transit-transit Oriented Development/ TOD)
- vi) Kemudahan infrastruktur dan Utiliti.

Majlis Perbandaran Klang telah menyediakan Pelan Induk penyelarasan jajaran rizab jalan & rizab parit untuk diselaraskan bagi kawasan perumahan dan perindustrian. Antara contoh pelan induk yang disediakan adalah seperti berikut:-

- i) Pelan Induk Jalan Iskandar, Bukit Kapar
- ii) Pelan Induk Jalan Pasar Malam, Meru
- iii) Pelan Induk Bukit Kapar
- iv) Pelan Induk Meru Tambahan

- b) Pembekuan projek pembangunan sementara buat masa ini belum dikuatkuasakan di MPK dalam menangani isu banjir di Daerah Klang. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kejuruteraan MPK dan JPS Klang telah mempunyai pelan mitigasi kawalan banjir dengan menyediakan tapak kolam tadahan baru dan menaiktaraf sistem peparitan sediaada. Pembekuan projek akan memberi impak penjanaan ekonomi dan keperluan penyediaan perumahan yang semakin meningkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KEBAJIKAN OKU

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan satu bantuan bulanan kepada pusat-pusat penjagaan OKU (pusat pemulihan komuniti)?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan salah satu program yang melibatkan pembabitan secara aktif ibu bapa/ penjaga dan ahli keluarga orang kurang upaya (OKU) serta komuniti setempat untuk menjalankan aktiviti pemulihan dan mengintegrasikan OKU dalam masyarakat.

Sebanyak 55 buah Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) dalam Negeri Selangor menerima Bantuan Kewangan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi bayaran:

- i- elaun pelatih PDK;
- ii- elaun suguhati Penyelia dan Petugas;
- iii- KWSP dan PERKESO Penyelia dan Petugas;
- iv- sewa premis;
- v- utiliti; dan
- vi- peruntukan aktiviti di PDK.

Pihak Kerajaan Negeri sentiasa menyokong program PDK kerana ianya memberi manfaat kepada 2,318 OKU di Negeri Selangor. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM550,000.00 kepada PPDK di Negeri Selangor bagi memastikan program ini terus berdaya maju.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan satu bajet khas bagi membaik pulih kemudahan sukan di setiap daerah?
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan pusat latihan dan kemahiran (TVET) di setiap daerah bagi golongan belia yang tercicir di alam persekolahan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan kemudahan sukan di Negeri Selangor dalam usaha untuk meningkatkan mutu sukan terutamanya di kalangan generasi muda dan menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti riadah. Sehubungan itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Kerajaan Negeri pada tahun 2019 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3,240,000.00 untuk Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Kemudahan Sukan di Negeri Selangor. Peruntukan tersebut adalah termasuk peruntukan untuk membaikpulih kemudahan sukan di peringkat DUN yang telah dinaikkan daripada RM20,000.00 kepada RM40,000.00 kepada setiap DUN yang mana projek ini akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Pemilihan bagi kelulusan projek ini adalah mengikut tahap projek kemudahan tersebut. Berikutan, pihak DUN boleh mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak PDT untuk kelulusan di peringkat Kerajaan Negeri.

Untuk makluman, Kerajaan Negeri dalam tindakan untuk mendapatkan data dan status semasa kemudahan sukan di Selangor dalam usaha untuk memastikan kemudahan-kemudahan sukan tersebut dapat dinaiktaraf dan seterusnya digunakan untuk tujuan aktiviti sukan kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, projek-projek pembangunan infrastruktur sukan akan diutamakan kepada kemudahan-kemudahan sukan yang kritikal dan perlu dinaiktaraf segera.

- b) Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) merupakan satu langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam meningkatkan keupayaan pendidikan kemahiran teknikal dan Ikhtisas di Negeri Selangor. Namun, cadangan penubuhan Pusat Pendidikan Teknikal dan

Latihan Vokasional (TVET) masih dalam peringkat perbincangan dan memerlukan kajian yang terperinci bagi memastikan ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

Walau bagaimanapun, pusat latihan yang sedia ada boleh dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya golongan belia bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang tersebut yang menawarkan pelbagai bidang dari peringkat sijil hingga diploma seperti Kolej Komuniti dan Giat MARA. Selain itu, golongan belia juga boleh mengambil peluang untuk melanjutkan pengajian di Kolej Antarabangsa INPENS yang merupakan pusat latihan di bawah Kerajaan Negeri. Senarai Kolej Komuniti dan Giat Mara adalah seperti berikut :-

KOLEJ KOMUNITI DI SELANGOR

BIL	NAMA KOLEJ KOMUNITI	KURSUS
1.	<u>Kolej Komuniti Ampang</u>	1. Sijil Teknologi Telekomunikasi 2. Diploma Teknologi Telekomunikasi
2.	<u>Kolej Komuniti Hulu Langat</u>	1. Sijil Teknologi Maklumat 2. Sijil Pengoperasian Perniagaan 3. Sijil Perakaunan (Dahulu dikenali sebagai Sijil Akauntansi) 4. Sijil Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara
3.	<u>Kolej Komuniti Hulu Selangor</u>	1. Sijil Pelancongan Dan Pengembaraan 2. Sijil Sistem Komputer Dan Sokongan 3. Sijil Pelancongan dan Pengembaraan 4. Sijil Pengendalian Pelancongan 5. Sijil Rangkaian Komputer 6. Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian
4.	<u>Kolej Komuniti Klang</u>	1. Sijil Sistem Komputer Dan Sokongan 2. Sijil Rangkaian Komputer 3. Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian
5.	<u>Kolej Komuniti Kuala Langat</u>	1. Sijil Animasi 2D 2. Sijil Teknologi Maklumat 3. Sijil Pelancongan dan Pengembaraan 4. Sijil Teknologi Elektrik 5. Sijil Pengendalian Pelancongan 6. Sijil Pengkeranian Akaun 7. Sijil Pengoperasian Perniagaan 8. Sijil Perakaunan (Dahulu dikenali 9. Sijil Reka Bentuk dan Pembuatan Perabot
6.	<u>Kolej Komuniti Sabak Bernam</u>	1. Sijil Fesyen Dan Pakaian 2. Sijil Pelukis Pelan Senibina

BIL	NAMA KOLEJ KOMUNITI	KURSUS
		3. Sijil Pemprosesan Dan Kawalan Mutu Makanan 4. Sijil Sistem Komputer Dan Sokongan 5. Sijil Teknologi Elektrik (Pemasangan Dan Perkhidmatan) 6. Diploma Teknologi Komputer 7. Sijil Lukisan Senibina 8. Sijil Teknologi Elektrik 9. Sijil Rangkaian Komputer 10. Diploma Teknologi Senibina
7.	<u>Kolej Komuniti Selayang</u>	1. Sijil Animasi 2D 2. Sijil Animasi 3D 3. Sijil Fesyen dan Pakaian 4. Sijil Kulinari 5. Sijil Operasi Perhotelan 6. Sijil Pastri 7. Sijil Rekabentuk Dalaman 8. Diploma in Games Art
8.	<u>Kolej Komuniti Shah Alam</u>	1. Sijil Rekabentuk Dalaman
9.	<u>Kolej Komuniti Tanjong Karang</u>	1. Sijil Lukisan Senibina 2. Sijil Teknologi Senibina
10.	<u>Kolej Profesional MARA Beranang</u>	1. Foundation For HND In Computing (Business Information Technology) 2. Program Asas Teknologi Maklumat Perniagaan 3. Program Asas Pengkomputeran 4. Diploma In Business Studies 5. Diploma Perakaunan 6. HND In Computing (Business Information Technology) 7. Diploma Pengajian Perniagaan 8. Diploma Perakaunan 9. HND in Computing (Business Information Technology) 10. Diploma Perniagaan Tani 11. Diploma Pengajian Perniagaan 12. Diploma Perakaunan Higher National Diploma in Computing and Systems Development

PUSAT GIAT MARA DI SELANGOR

BIL	GIATMARA	KURSUS YANG DITAWARKAN
1.	Ampang Jaya (2)	1. Seni Reka Gaya Rambut Solekan
2.	Bangi (2)	1. Teknologi 2. Percetakan Desktop Publishing Artist
3.	Gombak (3)	1. Teknologi Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara 2. Fashion And Dressmaking Holistic And Wellness Spa
4.	Hulu Langat (3)	1. Fashion And Dressmaking 2. Teknologi Automotif 3. Masakan Dan Pramusaji
5.	Hulu Selangor (4)	1. Pendawai Elektrik 2. Teknologi Automotif Hiasan Dalaman 3. Fashion And Dressmaking
6.	Kapar (3)	1. Pendawai Elektrik (Pw2) 2. Teknologi Automotif Pemasangan Gas Asli Kenderaan (Ngv)
7.	Kelana Jaya (1)	1. Confectionary And Bakery
8.	Klang (2)	1. Confectionary And Bakery Masakan Dan Pramusaji
9.	Kota Raja (3)	1. Teknologi Animasi 2. Graphic Design And Advertising 3. Videography And Visual Effects 4. 3D Animation Visual Artist (Sldn)
10.	Kuala Langat (2)	1. Teknologi Kimpalan Dan Fabrikasi Logam 2. Teknologi Baikpulih Dan Mengecat Kenderaan
11.	Kuala Selangor (2)	1. Fashion And Dressmaking Teknologi Fotografi
12.	Pandan (1)	1. Confectionary And Bakery
13.	Petaling Jaya (Selatan) (1)	1. Tool And Die Technology
14.	Petaling Jaya (Utara) (1)	1. Early Childhood Education And Training
15.	Puchong (3)	1. Pendawai Elektrik (Pw2) 2. Teknologi Automotif 3. Teknologi Baikpulih Dan Mengecat Kenderaan
16.	Sabak Bernam (2)	1. Teknologi Sistem Komputer Teknologi Automotif
17.	Selayang (2)	1. Pendawai Elektrik (Pw2) Fashion And Dressmaking

BIL	GIATMARA	KURSUS YANG DITAWARKAN
18.	Sepang (3)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pendawai Elektrik (Pw1) Pendawai Elektrik (Pw4) 2. Fashion And Dressmaking
19.	Serdang (2)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Fashion And Dressmaking 2. Teknologi Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara
20.	Shah Alam (2)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Seni Reka Gaya Rambut Solekan Dan Terapi Kecantikan
21.	Subang (3)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Teknologi Automotif Teknologi Motosikal 2. Fashion And Dressmaking
22.	Sungai Besar (4)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pendawai Elektrik (Pw2) 2. Teknologi Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara Teknologi Kimpalan Dan Fabrikasi Logam 3. Fashion And Dressmaking
23.	Tanjung Karang (3)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Teknologi Motosikal 2. Teknologi Baikpulih Dan Mengecat Kenderaan Fashion And Dressmaking

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menetapkan satu paras harga siling Rumah Selangorku supaya mampu dimiliki oleh belia dan rakyat Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan satu tabung/ dana bagi membaik pulih rumah-rumah flat yang usang dan telah berusia lebih daripada 40 tahun ke atas?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Dasar Rumah Selangorku 2.0 yang berkuatkuasa pemakaiannya bermula 02 April 2018 telah menetapkan bahawa harga siling Rumah Selangorku bermula dari RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit dengan keluasan binaan dari 700 kaki persegi hingga 900 kaki persegi (jenis perumahan bertingkat) manakala 700 hingga 1,000 kaki persegi dan saiz 20' x 60' (jenis perumahan teres / bertanah).

Pada masa ini, harga jualan Rumah Selangorku adalah munasabah dan tidak membebankan rakyat Selangor terutamanya dengan penyediaan Rumah Selangorku Jenis A berharga RM42,000.00 dengan keluasan binaan 700 kaki persegi. Walau bagaimanapun, Dasar Rumah Selangorku/ harga jualan Rumah Selangorku akan dikaji dari masa ke semasa berdasarkan keadaan ekonomi semasa supaya ia relevan dengan kemampuan rakyat untuk memiliki rumah termasuk memenuhi golongan belia.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim CERIA (*Caring Government For Residents' Improvement Aid*) semenjak tahun 2011 sebagai tabung untuk membantu pihak pengurusan pangsapuri sama ada badan pengurusan bersama (JMB), perbadanan pengurusan (MC) atau ejen pengurusan yang dilantik Pesuruhjaya Bangunan (COB) untuk membaikpulih bangunan termasuk keceriaan pangsapuri. Malahan bermula tahun 2018, Kerajaan Negeri telah memansuhkan syarat pembayaran balik perkongsian kos daripada penduduk seperti berikut:

BIL.	JENIS PANGSAPURI	KADAR PEMBAYARAN BALIK PERKONGSIAN KOS
1	Kos Rendah - Harga Belian Pertama Dengan Pemaju RM42,000.00 ke bawah	20%
2	Kos Sederhana Rendah/Sederhana -Harga Belian Pertama Dengan Pemaju RM42,001.00 sehingga RM250,000.00	40%

Syarat permohonan Skim CERIA adalah seperti berikut:

- i- Permohonan hanya boleh dibuat oleh JMB, MC atau ejen pengurusan yang dilantik oleh COB.
- ii- Harga pangsapuri semasa pembelian pertama (pembelian dengan pemaju) adalah di bawah RM150,000.00. (seperti yang tercatat di dalam perjanjian jual beli).

Justifikasi penetapan syarat permohonan hanya boleh dibuat oleh JMB, MC atau ejen pengurusan yang dilantik oleh COB bagi memastikan bantuan baikpulih bangunan yang diberi oleh Kerajaan Negeri dinikmati dan dijaga baik oleh penduduk di bawah seliaan JMB, MC atau ejen pengurusan yang dilantik oleh COB, PBT.

Selain itu, bantuan bagi membaik pulih rumah-rumah flat yang usang dan telah berusia lebih daripada 40 tahun ke atas boleh juga dipohon kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PERTANIAN

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menjadikan Selangor sebagai negeri pengeluaran makanan utama di Malaysia?
- b) Sejauh manakah Kerajaan Negeri telah membantu petani-petani di Selangor supaya celik di dalam *bio-tech*?

JAWAPAN:

- a) Selangor bercadang menjadi sebuah negeri maju dalam pelbagai bidang termasuk dalam sektor pertanian selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian memfokuskan kepada teknologi pertanian seperti teknologi tanaman secara fertigasi, *plant factory*, pembangunan agro bandar, menjadikan Selangor sebagai hub pemasaran dan pelbagai program yang menggunakan teknologi terkini.
- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan latihan dan kursus bagi petani yang berminat dalam bidang bioteknologi. Di samping itu juga, Jabatan Pertanian mempunyai skim galakan bagi inovasi dan penyelidikan bioteknologi yang boleh dipohon oleh petani.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : WUJUDKAH PERANCANGAN UNTUK MENJADIKAN SYARIKAT AIR
SELANGOR SEBAGAI KOPERASI ANAK SELANGOR**

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Wujudkah perancangan Kerajaan Negeri untuk menjadikan syarikat Air Selangor sebagai Koperasi Anak Selangor supaya untung dari perniagaan air dapat dirasakan oleh rakyat Selangor secara terus dengan mengambil contoh dari Koperasi Bank Rakyat?

JAWAPAN: